

Al-Takāful Al-Ijtimā'ī Secara Etimologi Dan Terminologi Menurut Konteks Bahasa Al-Quran Dan Hadis

Mohd Hafiz bin Abdul Karim¹ & Shayuthy Abdul Manas²

¹ Jabatan al-Quran dan Sunnah, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur. E-mel: hafizkarim28@gmail.com

² Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei. E-mel: shayuthy.manas@unissa.edu.bn

Abstrak

Kajian ini memberi tumpuan kepada kesan dan pengaruh dilālah al-alfāz (semantik) dalam Al-Quran dan hadis terhadap pendefinisian konsep al-takāful al-ijtimā'ī. Al-Quran yang merupakan al-i'jāz al-balāghī (mukjizat sastera) dan hadis Rasulullah SAW yang bersifat jawāmi' al-kalim (kekayaan maksud dalam suatu lafaz) masing-masing mempunyai laras bahasa yang istimewa. Kedua-duanya mempunyai kesan yang tersendiri terhadap pendefinisian sesuatu konsep dalam ilmu-ilmu Islam. Kajian ini mendapati bahawa memahami dilālah perkataan kafala dalam konteks al-Quran dan hadis amat penting bagi mendapatkan pemahaman sebenar mengenai konsep al-takāful al-ijtimā'ī. Sebahagian ulama menghadkan maksud etimologi perkataan kafala kepada proses menjaga kemaslahatan kanak-kanak berdasarkan pemahaman mereka tentang dilālah perkataan ini menurut konteks al-Quran. Berlaku limitasi bahasa terhadap maksud perkataan kafala ini, sehingga menyebabkan sebahagian ulama era ini telah mendefinisikan konsep al-takāful al-ijtimā'ī luar daripada konteks etimologi perkataan itu sendiri, demi meluaskan penggunaannya secara terminologi. Pemahaman menyeluruh terhadap konteks penggunaan dan semantik sesuatu perkataan dalam al-Quran dan hadis amat penting, terutamanya dalam mendefinisikan sesuatu sama ada pemahaman secara etimologi atau terminologi, sehingga membentuk disiplin dan gambaran konsep yang kukuh serta menyeluruh. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan perkataan kafala dalam konteks hadis sebenarnya membawa maksud yang lebih luas berdasarkan hadis wanita Ghāmidīyyah. Hakikatnya, ia meliputi proses menjaga kemaslahatan kanak-kanak mahupun dewasa.

Kata kunci: *Al-Takāful al-Ijtimā'ī, Semantik, Etimologi, Terminologi, Hadis*

(Al-Takāful Al-Ijtimā'ī Etymologically And Terminologically In The Context Of Al-Quran And Hadīth)

Abstract

This study focuses on the effects and influences of dilālah al-alfāz (semantic) that exist in the Quran and hadīth (Prophet's traditions) in defining the concept of al-takāful al-ijtimā'ī. Al-Quran as al-i'jāz al-balāghī (literary miracles) and hadīth that is characterized by its nature of jawāmi' al-kalim (having several meaning for one word) both have their own special linguistic distinctions. Both of them have their own effects in defining certain concepts that exist in Islamic sciences. This study finds that comprehending the dilālah of the word kafala in the context of al-Quran and hadīth is important in order to understand the whole concept of al-takāful al-ijtimā'ī. Some scholars confined the etymological meaning of the word kafala as a process of fulfilling the children's masalahah (public interest). This confinement then led to a linguistic limitation of understanding the word kafala, forcing some of the contemporary scholars defining the concept of al-takāful al-ijtimā'ī outside of its etymological meaning in order to expand its meaning terminologically. A thorough understanding of the context and semantic aspects of a certain word that exists in al-Quran and hadīth is an important process, especially in defining certain concepts etymologically or terminologically. This aims to construct solid disciplines and clear overview of those concepts. The finding of this study suggests that the word kafala is actually used in a much wider context; this is according to the hadīth of the Ghāmidīyyah women. The word itself encompasses the meaning of fulfilling the masalahah as general, comprising children and adults.

Keywords: Al-Takāful al-Ijtimā'ī, Semantic, Etymology, Terminology, Hadīth

Received: February 28, 2017

Accepted: April 26, 2017

Online Published: June 30, 2017

1. Pendahuluan

Kajian ini membincangkan secara terperinci tentang bagaimana *dilālah* (semantik) penggunaan perkataan *kafala* dalam hadis mempengaruhi *dilālah* maksud penggunaannya dalam al-Quran secara etimologi dan terminologi, sekaligus mempengaruhi pendefinisian konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* secara terminologi. Kajian ini menggunakan metode analisis bertema terhadap sebahagian hadis yang menggunakan perkataan *kafala*. Ini dilakukan dengan memahami *dilālah* perkataan tersebut dengan merujuk kepada syarah-syarah hadis tertentu seperti *Fath al-Bāri Syarh Sahīh al-Bukhāri*, *Al-Minhāj Syarh Sahīh Muslim* dan sebagainya. Metode ini juga digunakan dalam menjelaskan *dilālah* perkataan ini dalam sebahagian ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan merujuk *Tafsīr al-Ṭabari*. Kajian ini kemudiannya menjelaskan definisi terminologi *al-takāful al-ijtimā'ī* mengikut konteks bahasa al-Quran dan hadis yang sebenar.

2. Etimologi Perkataan “*kafala*” dalam Konteks Al-Quran

Perkataan *kafala* dalam al-Quran telah digunakan sebanyak 10 kali (Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, 1964). Kesemua lafaz tersebut digunakan dalam bentuk yang berbeza dan membawa maksud yang tersendiri. Antaranya membawa maksud kata nama *kiflun* (كفل) yang merujuk kepada maksud ‘bahagian daripada dosa’, nama Dhulkifli, dan sebagainya. Contohnya firman Allah SWT (Surah al-Nisā’ ayat 85):

مَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا وَمَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِّنْهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيتًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya:

Barang siapa memberi pertolongan dengan pertolongan yang baik, nescaya dia akan memperoleh bahagian daripada (pahala)nya. Dan barang siapa yang memberi pertolongan yang buruk, dia akan memikul sebahagian daripada (dosa)nya. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Firman Allah SWT dalam menggunakannya pada nama Dhulkifli (Surah Sād ayat 48):

وَأَذْكُرْ إِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَذَا الْكِفْلِ وَكُلٌّ مِّنَ الْأَخْيَارِ ﴿٤٨﴾

Maksudnya:

Dan ingatlah Ismā‘īl, Ilyasa’, dan Dhulkifli. Semuanya termasuk orang-orang yang baik.

Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menfokuskan pada kata kerja *kafala* dalam al-Quran kerana perkataan *takāful* merupakan *masdar* (kata terbitan) kepada perkataan *takāfala* yang berasal daripada kata kerja *kafala*. Ia kebiasaannya digunakan dalam al-Quran sebagai merujuk kepada proses pemeliharaan kemaslahatan kanak-kanak (Rabi’ al-Rūbī, 1998). Antara contoh penggunaannya adalah seperti firman Allah SWT (Surah al-Qaṣaṣ ayat 12):

﴿وَحَرَمْنَا عَلَيْهِ الْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُونَهُ لَكُمْ وَهُمْ لَهُ نَصِاحُونَ ﴿١٢﴾﴾

Maksudnya:

Dan kami cegah dia (Musa) menyusui kepada perempuan-perempuan yang mahu menyusui(nya) sebelum itu; maka berkatalah dia (saudaranya Musa), “Mahukah aku tunjukkan kepadamu, keluarga

yang akan memeliharanya untukmu dan mereka dapat berlaku baik kepadanya?”

Dalam firman Allah SWT yang lain (Surah Ṭāhā ayat 40):

إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُ... ﴿٤٠﴾

Maksudnya:

Iaitu ketika saudara perempuanmu (berjalan), lalu dia berkata (kepada keluarga Fir'aun), “Bolehkah saya menunjukkan kepadamu orang yang akan memeliharanya?”

Kedua-dua ayat ini sebenarnya menceritakan kisah penyusuan Musa AS. Allah SWT telah mencegah Musa daripada menyusui wanita-wanita lain selain daripada ibunya. Apabila saudara perempuannya melihat keadaan tersebut, beliau telah mengisyaratkan kepada ahli keluarga Fir'aun untuk menyusukan Musa dengan seseorang yang dapat menyusunya, iaitu ibu kandung Musa sendiri. Sebahagian ahli tafsir mengatakan bahawa perkataan “*kafala*” di sini bermaksud “*al-dammu*” (الضم), tetapi bukan dengan maksud menggabungkan atau menyerahkan, bahkan khusus membawa maksud “*al-i'ālah*” (الإعالة), iaitu menyerahkan Musa kepada ibunya untuk penjagaan (Al-Ṭabari, 2000). Maka perkataan *kafala* pada ayat ini tidak terhad kepada hal penggabungan dan penyerahan sahaja, bahkan lebih daripada itu, iaitu khusus kepada pemeliharaan dan penjagaan kemaslahatan kanak-kanak, sama ada penyusuan, pengasuhan, pemeliharaan dan sebagainya. Hal ini juga sebagaimana firman Allah SWT pada ayat yang lain tentang pemeliharaan Maryam AS dalam (Surah ali-Imrān ayat 37):

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا... ﴿٣٧﴾

Maksudnya:

Maka Dia (Allah) menerimanya dengan penerimaan yang baik, dan membesarkannya dengan sebaik-baik pembesaran, dan menyerahkannya (pemeliharaannya) kepada Zakariyyā.

3. Etimologi Perkataan “*kafala*” dalam Konteks Hadis

Lafaz “*kafala*” juga digunakan dalam hadis Nabi SAW dan membawa beberapa maksud. Antaranya dalam bentuk kata nama *kiflun* seperti dalam ayat yang direkodkan dalam al-Quran tentang dosa:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا تُقْتَلُ نَفْسٌ ظُلْمًا، إِلَّا كَانَ عَلَى ابْنِ آدَمَ الْأَوَّلِ كِفْلٌ مِنْ دِمِهَا، لِأَنَّهُ أَوَّلُ مَنْ سَنَّ الْقَتْلَ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Hadis Para Nabi, Bab Penciptaan Adam dan Zuriatnya, 1422H: no. hadis 3335).

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, katanya, sabda Rasulullah SAW: "Tidak dibunuh jiwa seseorang itu secara zalim, melainkan ditanggung ke atas anak Adam yang pertama itu sebahagian daripada darahnya, kerana dialah orang pertama yang memulakan pembunuhan itu."

Hadis ini menceritakan tentang Qabil yang menjadi manusia pertama melakukan pembunuhan secara zalim iaitu dengan membunuh Habil, lantas menyebabkannya menanggung bahagian dosa pembunuh-pembunuh selepasnya yang membunuh anak Adam yang lain secara zalim (Badr al-Dīn al-ʿAynī, t.th.). Selain itu, perkataan ini juga direkodkan dalam tujuh buah hadis lain dalam bentuk kata kerja *kafala*. Walau bagaimanapun, penggunaannya berbeza daripada maksud kata kerja *kafala* yang wujud dalam al-Quran (menjaga kemaslahatan kanak-kanak), dan ia jelas menunjukkan keluasan *dilālah* kata kerja *kafala* ini. Kesemua maksud tersebut digambarkan seperti berikut:

2.1 Membawa Maksud Jaminan

Hadis-hadis yang memaparkan perkataan *kafala* ini dengan maksud jaminan terdiri daripada beberapa hadis, dan kesemuanya berbeza daripada sudut jenis jaminan, antaranya:

2.1.1 Jaminan Allah SWT kepada mereka yang berjihad di jalanNya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «تَكْفَلُ اللَّهُ لِمَنْ جَاهَدَ فِي سَبِيلِهِ، لَا يُخْرِجُهُ إِلَّا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِهِ، وَتَصْدِيقُ كَلِمَاتِهِ بِأَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ، أَوْ يَرْجِعَهُ إِلَى مَسْكَنِهِ الَّذِي خَرَجَ مِنْهُ، مَعَ مَا نَالَ مِنْ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Tauhid, Bab Firman Allah SWT {Dan demi sesungguhnya! Telah ada semenjak dahulu lagi, ketetapan kami, bagi hamba-hamba kami yang diutus menjadi Rasul} (Surah Al-Sāffat: 171), 1422H: no. hadis 7457).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Allah menjamin sesiapa yang keluar berjihad di jalan-Nya, yang tidaklah dia berangkat selain benar-benar untuk berjihad di jalan-Nya dan membenarkan kalimat-Nya, maka Allah akan memasukkannya ke dalam syurga atau Dia akan mengembalikannya ke tempat tinggalnya

yang dia tinggalkan berserta dengan apa yang dia peroleh berupa daripada pahala dan ghanimah.”

Hadis ini diriwayatkan dengan lafaz yang pelbagai, dan kesemuanya membawa maksud menjamin. Antara lafaz-lafaz lain yang digunakan adalah seperti:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «اِئْتَدَبَ اللَّهُ لِمَنْ خَرَجَ فِي سَبِيلِهِ، لَا يُخْرَجُهُ إِلَّا إِيمَانٌ بِي وَتَصَدِيقٌ بِرُسُلِي، أَنْ أُزْجَعَهُ بِمَا نَالَ مِنْ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ، أَوْ أُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Iman, Bab Jihad Sebahagian Daripada Iman, 1422H: no. hadis 36).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Allah menggembarakan hati (menjamin dengan balasan baik) orang yang berperang di jalan Allah, iaitu orang yang berangkat (untuk berperang) semata-mata kerana iman kepada-Ku (Allah) dan Rasul-Nya, bahawa ia akan kembali membawa kemenangan dan ghanimah atau dimasukkan ke dalam syurga.”

Begitu juga lafaz:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَثَلُ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَنْ يُجَاهِدُ فِي سَبِيلِهِ، كَمَثَلِ الصَّائِمِ الْقَائِمِ، وَتَوَكَّلَ اللَّهُ لِلْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِهِ، بِأَنْ يَتَوَقَّاهُ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ، أَوْ يَرْجِعَهُ سَالِمًا مَعَ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab kelebihan Jihad, Bab Sebaik-baik Orang Beriman Adalah Yang Berjihad Dengan Dirinya dan Hartanya di Jalan Allah, 1422H: no. hadis 2787).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Dan Allah menjamin orang yang berperang di jalannya, bahawa dia (orang itu) akan syahid lalu dimasukkan ke dalam syurga, atau dia akan kembali dengan selamat membawa kemenangan dan ghanimah.”

Ketiga-tiga lafaz ini bermaksud penyempurnaan janji-janji yang dijanjikan Allah, iaitu penjaminan daripada Allah SWT (Ibn Hajar al-‘Asqalāni, 1397H). Janji-janji Allah ini seperti yang disebutkan dalam al-Quran, surah al-Tawbah ayat 111:

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾^(٣١)

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah membeli daripada orang-orang mukmin, baik diri mahupun harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang di jalan Allah; sehingga mereka membunuh atau terbunuh, (sebagai) janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan al- Qur'an. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya selain Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan demikian itulah kemenangan Allah yang agung.

Menurut Badr al-Dīn al-‘Aynī (t.th.), perkataan *intadaba* (انتدب) bermaksud Allah menjawab doa-doa sesiapa sahaja yang berdoa kepadanya, iaitu menggembirakannya dengan menjamin akan terjawabnya doa itu. Begitu juga lafaz *tawakkala* (توكل), yang bermaksud jaminan untuk melakukan sesuatu (Ibn Manzūr, t.th.). Dalam hadis yang lain, lafaz *tawakkala* jelas digunakan membawa jaminan untuk melakukan sesuatu:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ تَوَكَّلَ لِي مَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ وَمَا بَيْنَ لِحْيَيْهِ، تَوَكَّلْتُ لَهُ بِالْجَنَّةِ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Hukuman Hudud, Bab Meninggalkan Perkara Keji, 1422 H.: no. hadis 6807).

Maksudnya:

Daripada Sahl bin Sa'd al-Sā'idiy, sabda Nabi SAW: "Barang siapa yang menjamin (akan hak) apa yang berada di antara dua kakinya (kemaluannya) dan mulutnya, maka aku menjamin (akan haknya) untuk mendapat syurga."

Menjamin hak kemaluan dan lisan bermaksud menjaga keduanya dengan memberikan hak yang halal dan menjauhkan yang haram daripada keduanya (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1397H). Selain itu, untuk mengesahkan maksud perkataan *kafala* di sini dengan jaminan, hadis jaminan Allah SWT kepada mereka yang berjuang di jalan-Nya juga diriwayatkan Muslim dengan lafaz asal perkataan Arab untuk menjamin, iaitu *taḍammana* (تضمن):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «تَضَمَّنَ اللَّهُ لِمَنْ خَرَجَ فِي سَبِيلِهِ، لَا يُخْرِجُهُ إِلَّا جِهَادًا فِي سَبِيلِي، وَإِيمَانًا بِي، وَتَصَدِيقًا بِرُسُلِي، فَهُوَ عَلَيَّ ضَامِنٌ أَنْ أُذْخِلَهُ الْجَنَّةَ، أَوْ أَرْجِعَهُ إِلَى مَسْكِنِهِ الَّذِي خَرَجَ مِنْهُ، نَائِلًا مَا نَالَ مِنْ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ»

(Riwayat Muslim, Kitab Perihal Kerajaan (Imārah), Bab Kelebihan Jihad Dan Keluar Pada Jalan Allah, t.th.: no. hadis 1876).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Allah menjamin sesiapa yang keluar berjihad di jalan-Nya, yang tidaklah dia berangkat selain benar-benar untuk berjihad di jalan-Ku (iaitu Allah) dan beriman kepada-Ku, dan membenarkan para Rasul-Ku, maka Aku menjamin untuk memasukkannya ke dalam syurga, atau Aku akan mengembalikannya ke tempat tinggalnya yang dia tinggalkan berserta dengan apa yang dia peroleh berupa daripada pahala dan ghanimah.

2.1.2 Jaminan syurga Allah SWT kepada mereka yang tidak memintaminta

عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ يَكْفُلُ لِي أَنْ لَا يَسْأَلَ النَّاسَ شَيْئًا، وَأَتَكْفُلُ لَهُ بِالْجَنَّةِ؟»، فَقَالَ ثَوْبَانُ: أَنَا، فَكَانَ لَا يَسْأَلُ أَحَدًا شَيْئًا.

(Riwayat Abū Dāwūd, Kitab Zakat, Bab Pada Membenci Masalah, 2009: no. hadis 1644).

Maksudnya:

Daripada Thaubān RA, katanya, bersabda Rasulullah SAW: “Siapa yang (mampu) menjamin (dirinya) daripada memintaminta sesuatu dengan manusia, dan aku akan jaminkan kepadanya syurga?” Berkata Thaubān: “Aku (wahai Rasulullah)”, dan dia (iaitu Thaubān) tidak memintaminta langsung dengan manusia lain akan sesuatu.

Perkataan *kafala* dalam hadis ini juga bermaksud jaminan. Maksud perkataan Nabi SAW dengan “*man takaffala lī*” dalam hadis ini adalah: “Siapakah yang mampu menjamin dirinya dengan tidak meminta sesuatu daripada manusia, kerana dengan perbuatannya itu Allah akan menjamin syurga kepadanya. Lafaz jaminan Allah dengan syurga dalam hadis ini juga menggunakan perkataan *kafala* iaitu: “*wa atakaffalu lahu bil jannah*” (Badr al-Dīn al-‘Aynīy, 1415H). Thaubān yang meriwayatkan hadis ini telah berpegang kepada hadis ini, dan menjamin dirinya daripada memintaminta sesuatu, walaupun dia dalam keadaan memerlukan (Badr al-Dīn al-‘Aynīy, 1415H).

2.1.3 Penjamin terhadap pinjaman dan hutang

Al-Bukhāri (1422H) telah meletakkan satu bab khusus dalam Sahihnya untuk menjelaskan masalah jaminan terhadap hutang dan pinjaman. Terdapat dua hadis yang menggunakan perkataan *kafala* sebagai isyarat kepada maksud jaminan.

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ حَمَزَةَ بْنِ عَمْرِو الْأَسْلَمِيِّ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بَعَثَهُ مُصَدِّقًا، فَوَقَعَ رَجُلًا عَلَى حَارِيَةِ امْرَأَتِهِ، فَأَخَذَ حَمَزَةُ مِنَ الرَّجُلِ كَفِيلًا حَتَّى قَدِمَ عَلَى عُمَرَ، وَكَانَ عُمَرُ قَدْ جَلَدَهُ مِائَةَ جَلْدَةٍ، فَصَدَّقَهُمْ وَعَدَّرَهُ بِالْجُهَالَةِ.

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Jaminan, Bab Menjamin Hutang Dengan Badan dan Selainnya, 1422H: no. hadis 2290).

Maksudnya:

Daripada Muhammad bin Hamzah bin 'Amrun, daripada ayahnya, bahawa 'Umar RA telah mengutuskannya (Hamzah ibn 'Amr) untuk mengutip zakat. Kemudian, (ketika Hamzah pergi mengutip zakat, beliau mengetahui tentang) seorang lelaki telah berzina dengan hamba perempuan isterinya. Maka Hamzah telah menjadikan lelaki ini sebagai penjamin (kepada kesalahannya ini) sehinggalah dia dibawa menghadap 'Umar. 'Umar (rupa-rupanya) telah menyebatnya sebanyak seratus kali. 'Umar juga mengesahkan (kepada Hamzah) bahawa lelaki itu sudah dihukum olehnya dan melepaskannya kerana kejahilannya.

Hadis di atas menceritakan kisah Hamzah bin 'Amrun al-Aslamiy RA yang mendapati seorang lelaki telah berzina dengan hamba perempuan isterinya ketika beliau diutuskan oleh 'Umar RA untuk mengutip zakat. Dalam riwayat al-Ṭahāwī (1994) yang lain, beliau telah meriwayatkan kisah ini dengan lebih jelas. Riwayatnya menceritakan bahawa lelaki itu telah berzina sehingga hamba perempuan isterinya melahirkan anak hasil daripada perzinaan. Hamzah yang mengetahui hal tersebut ingin menghukumnya dengan rejam. Lelaki tersebut bagaimanapun mengatakan bahawa dia telah dihukum oleh 'Umar atas kesilapannya. Hamzah bagaimanapun tidak mempercayainya, dan kemudian menjadikan lelaki tersebut sebagai penjamin terhadap kesalahan yang dilakukannya, lalu membawanya berjumpa 'Umar untuk kali kedua. 'Umar bagaimanapun telah menghukum lelaki tersebut dengan 100 sebatan, dan membenarkan kata-kata lelaki tersebut bahawa dia telah dihukum.

Menurut Ibn Hajar al-ʿAsqalānī (1397H), hadis ini menunjukkan pensyari'atan jaminan menggunakan tubuh badan berdasarkan peribadi Hamzah bin 'Amrun sebagai sahabat Nabi SAW, dan perbuatannya menjadikan lelaki tersebut sebagai penjamin terhadap kesalahannya tidak diingkari oleh 'Umar RA (Ibn Hajar al-

‘Asqalānī, 1397H). Walau bagaimanapun, jaminan menggunakan tubuh badan ini hanyalah dalam bab pinjaman dan hutang berbentuk harta sahaja, dan bukan nyawa seperti dalam bab jaminan terhadap sesiapa yang dikenakan hukuman hudud dan qisas (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1397H). Badr al-Dīn al-‘Ay’nīy (t.th.) pula mengatakan hadis ini bukanlah merujuk kepada bab *kafalah* (jaminan) dalam masalah *fihiyyah*, tetapi hanya mengisyaratkan tentang masalah penentuan keadaan lelaki tersebut sahaja, iaitu adakah dia berbohong atau tidak. Terdapat juga hadis lain yang menceritakan hal penjamin dalam bab jaminan harta benda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَنْتَ ذَكَرَ رَجُلًا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ، سَأَلَ بَعْضَ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنْ يُسَلِّقَهُ أَلْفَ دِينَارٍ، فَقَالَ: اثْنَيْ بِالشُّهَدَاءِ أَشْهَدُهُمْ، فَقَالَ: كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا، قَالَ: فَأْتِنِي بِالْكَفِيلِ، قَالَ: كَفَى بِاللَّهِ كَفِيلًا»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Jaminan, Bab Menjamin Hutang Dengan Badan dan Selainnya, 1422H: no. hadis 2291).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, daripada Rasulullah SAW: Seorang lelaki daripada Bani Israel telah meminta (seorang lelaki yang lain untuk meminjamkan kepadanya) seribu dinar. Lelaki (kedua) itu berkata: “Datangkan aku saksi.” Lelaki (pertama) itu berkata: “Cukuplah Allah menjadi saksi.” Kemudian lelaki (kedua) itu berkata lagi: “Datangkan aku penjamin.” Lelaki (pertama) itu berkata: “Cukuplah Allah sebagai penjamin”

3.3 Membawa Maksud Menjaga Kemaslahatan Untuk Seluruh Peringkat Umur

Perkataan *kafala* yang menggunakan maksud menjaga kemaslahatan ini juga sebenarnya wujud dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, maksudnya lebih khusus digunakan untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Terdapat juga hadis-hadis dengan maksud yang sama dan kebanyakannya sebagai sandaran kepada ayat-ayat al-Quran yang dibincangkan sebelumnya, khususnya sebagai tafsiran pada ayat-ayat menceritakan tentang penyusunan Musa dan pengasuhan Maryam. Selain itu, terdapat juga hadis-hadis yang tidak berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran, tetapi masih lagi menggunakan perkataan *kafala* dalam konteks yang sama, iaitu tentang hal penjagaan dan pemeliharaan kemaslahatan kanak-kanak. Antaranya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «كَافِلُ الْيَتِيمِ لَهُ أَوْ لِعَبْرَةٍ أَنَا وَهُوَ كَهَاتَيْنِ فِي الْجَنَّةِ» وَأَشَارَ مَالِكٌ بِالسَّبَابَةِ وَالْوَسْطَى.

(Riwayat Muslim, Kitab Zuhud dan Kelembutan (Hati), Bab Ihsan Kepada Janda, Orang Miskin dan Anak Yatim, t.th.: no. hadis 2293).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA: berkata Rasulullah SAW: Aku dan penjaga anak yatim seperti dua (jari ini). Dan Mālik mengisyaratkan dua jari, jari telunjuk dan jari tengah (yang dirapatkan)

Begitu juga hadis:

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، وَأَبُو عُبَيْدَةَ بْنِ الْجَرَّاحِ، وَعُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ، وَشَدَّادُ بْنُ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْمَرْأَةُ إِذَا قَتَلَتْ عَمْدًا لَا تُقْتَلُ حَتَّى تَضَعَ مَا فِي بَطْنِهَا إِنْ كَانَتْ حَامِلًا، وَحَتَّى يُكْفَلَ وَلَدُهَا، وَإِنْ زَنَتْ لَمْ تُرْحَمْ حَتَّى تَضَعَ مَا فِي بَطْنِهَا، وَحَتَّى يُكْفَلَ وَلَدُهَا»

(Riwayat Ibn Mājah, Kitab Denda (Diyāt), Bab Wajib Qisas Ke Atas Wanita Hamil, t.th.: no. hadis 2694).

Maksudnya:

Daripada Mu'az bin Jabal, Abu 'Ubaidah bin al-Jarrāh dan Syaddād bin Aus RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang perempuan apabila membunuh dengan sengaja, maka tidak dibunuh balas (qisās) sehinggalah dia melahirkan anak sekiranya dia hamil, dan juga sehingga dia habis menjaga (mengasuh, menyusu) anaknya, dan sekiranya dia berzina juga sebegitu

Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa penggunaan perkataan *kafala* dalam hadis-hadis sebenarnya tidak terhad menceritakan penjagaan kemaslahatan kanak-kanak sahaja berdasarkan hadis wanita Ghāmidīyah yang berzina:

عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بُرَيْدَةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: جَاءَتْ امْرَأَةٌ مِنْ غَامِدٍ مِنَ الْأَزْدِ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، طَهَّرْنِي، فَقَالَ: «وَيَحْيَا رِجْعِي فَاسْتَعْفِرِي اللَّهَ وَتُوبِي إِلَيْهِ» فَقَالَتْ: أَرَأَيْكَ تُرِيدُ أَنْ تُرَدِّدَنِي كَمَا رَدَدْتَ مَاعِزَ بْنَ مَالِكٍ، قَالَ: «وَمَا ذَاكَ؟» قَالَتْ: إِنَّهَا حُبْلَى مِنَ الرَّبِيِّ، فَقَالَ: «أَنْتِ؟» قَالَتْ: نَعَمْ، فَقَالَ لَهَا: «حَتَّى تَضْعِيَ مَا فِي بَطْنِكَ»، قَالَ: فَكَفَّلَهَا رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ حَتَّى وَضَعَتْ، قَالَ: فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «قَدْ وَضَعَتِ الْغَامِدِيَّةُ»، فَقَالَ: «إِذَا لَا تُرْجَمُهَا وَنَدِّعْ وَلَدَهَا صَغِيرًا لَيْسَ لَهُ مَنْ يُرْضِعُهُ»، فَقَامَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ، فَقَالَ: إِلَيَّ رِضَاعُهُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ، قَالَ: فَرَجَمَهَا.

(Riwayat Muslim, Kitab Hukuman Hudud, Bab Sesiapa Yang Mengakui Dirinya Telah Berzina, t.th.: no. hadis 1695).

Maksudnya:

Dari Sulaymān ibn Buraydah, daripada ayahnya, katanya: Seorang wanita dari daerah Ghāmid daripada suku Al-Azd telah datang, dia berkata: ‘Wahai Rasulullah, sucikanlah aku!’ Lalu Nabi SAW bersabda: “Celakalah kamu! Pulanglah dan beristighfarlah kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya.” Wanita itu kemudiannya berkata: ‘Aku melihat engkau ingin menolaku seperti mana engkau telah menolak Mā‘iz bin Mālik’. Baginda SAW bersabda: “Apa maksudnya?” Dia (wanita itu) berkata: “Sesungguhnya dia (seorang wanita) telah hamil kerana zina (dengan Mā‘iz bin Mālik).” Lalu Nabi SAW bersabda: “Apakah kamu wanita tersebut?” Dia kemudiannya menjawab : “Ya, benar.” Maka baginda SAW berkata kepadanya: “Pulanglah sehingga engkau melahirkan kandunganmu.” Buraidah (perawi) berkata: “Wanita itu kemudiannya ditanggung seorang lelaki Ansār sehinggalah dia melahirkan (anaknya). Kemudian lelaki itu datang menemui Nabi SAW dan berkata: “Sesungguhnya wanita Ghāmidiyah itu telah melahirkan (anaknya)”. Beliau SAW bersabda: “Jikalau begitu, kita tidak akan akan merejamnya, kerana dia akan meninggalkan anaknya yang masih kecil dan tiada orang yang akan menyusuinya.” Lalu seorang lelaki daripada kalangan Ansār berdiri dan berkata: “Wahai Nabi Allah, serahkan sahaja kepadaku penyusuannya!” Buraidah berkata: “Lalu baginda SAW merejamnya.”

Menurut Al-Nawawī (1392H), perkataan “*kafala*” pada lafaz “*fakafalaha rajulun min al-Ansār*” dalam hadis ini bermaksud lelaki Ansār tersebut telah bersetuju untuk menyara wanita dan menjaga kemaslahatannya sehingga dia melahirkan anak. Di sini dapat dilihat bahawa perkataan *kafala* sebenarnya tidak terhad dalam menjaga kemaslahatan kanak-kanak sahaja, bahkan juga kepada orang dewasa sesama dewasa. Idea yang mengatakan bahawa perkataan *kafala* hanya sesuai digunakan untuk menggambarkan penjagaan dan pemeliharaan untuk kanak-kanak sahaja secara etimologi dan bahasa perlu diamati kerana penggunaannya dalam hadis adalah lebih luas.

4. Pengaruh Hadis Terhadap Pendefinisian *al-Takāful* Secara Terminologi

Setelah melihat kepada etimologi perkataan *takāful*, didapati beberapa perkara yang perlu dibincangkan. Pertama, perkataan *takāful* sebenarnya berasal daripada perkataan *kafala*. Perkataan ini membawa pelbagai maksud seperti bahagian, jaminan, dan aktiviti menjaga kemaslahatan manusia. Berdasarkan maksud-maksud ini, terdapat keperluan untuk memilih maksud-maksud yang paling hampir dengan *takāful*. Persoalannya, apakah maksud yang paling hampir dengan perkataan ini? Bagi menjawab persoalan ini, kajian meletakkan

beberapa titik penting dalam memahami etimologi perkataan *takāful* dan kaitannya dalam membentuk definisi secara terminologi.

Perkataan *takāful* merupakan *maṣdar* (kata terbitan) kepada perkataan *takāfala*. Perkataan ini berasal daripada perkataan *kafala* yang dibentuk atas *wazan* (penimbang) *tafā'ala*, dan *wazan* ini bermaksud hubungan atau penyertaan antara dua pihak atau perkara (Al-Jurjānī, 1987). Melalui pelbagai maksud perkataan *kafala* yang telah dihuraikan, terdapat dua maksud yang memaparkan dan memerlukan penyertaan antara dua pihak atau perkara, iaitu aktiviti jaminan dan menjaga kemaslahatan. Berpandukan kedua-dua maksud ini, aktiviti menjaga kemaslahatan merupakan maksud yang disepakati dan digunakan oleh al-Quran dan hadis, manakala maksud jaminan hanya digunakan dalam hadis sahaja. Selain itu, jika dilihat maksud menjaga kemaslahatan secara umum, aktiviti jaminan juga merupakan salah satu maksud kecil menjaga kemaslahatan. Ini menunjukkan bahawa maksud menjaga kemaslahatan lebih umum dan meliputi pelbagai aspek berbanding maksud jaminan. Hakikat ini menjadikan maksud ini sebagai sebagai titik asas dalam mendefinisikan *takāful* secara terminologi.

Walau bagaimanapun, al-Quran menentukan perkataan ini khusus untuk menonjolkan proses menjaga kemaslahatan kanak-kanak sahaja. Perkara ini dapat disimpulkan melalui penelitian penggunaan perkataan ini dalam al-Quran yang menceritakan secara khusus tentang penjagaan kemaslahatan kanak-kanak, seperti penyusunan Musa dan pengasuhan Maryam. Selain itu, hadis juga menunjukkan maksud yang sama seperti hadis penjagaan anak yatim. Sebahagian ulama mengatakan bahawa lafaz *takāful* juga tidak digunakan untuk menunjukkan aktiviti menjaga kemaslahatan orang dewasa. Bahkan ia hanya digunakan untuk menunjukkan aktiviti jaminan (Rabī' al-Rūbī, 1998). Perkataan yang digunakan untuk menunjukkan aktiviti dalam menjaga kemaslahatan orang dewasa adalah *al-sa'yu* (السعي) seperti hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمُسْكِينِ، كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ الْقَائِمِ اللَّيْلَ الصَّائِمِ النَّهَارَ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Nafkah, Bab Kelebihan Nafkah Kepada Ahli Keluarga, 1422H: no. hadis 5353).

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA, katanya: Sabda Nabi SAW: Orang yang menguruskan janda dan orang miskin adalah seperti mujahid di jalan Allah atau seperti orang yang solat pada malam hari dan berpuasa di siang hari

Namun begitu, pendapat ini dibincangkan kerana terdapat hadis wanita *Ghāmidīyyah* yang memaparkan perkataan *kafala* dengan maksud menjaga kemaslahatan seorang wanita Ghāmidīyyah, dan bukan khusus kepada kanak-kanak. Al-Nawawī (1392H) menyatakan perkara ini dengan menafikan maksud jaminan, bahkan ia bermaksud menjaga kemaslahatan wanita tersebut, sama ada menolongnya, memeliharanya, menyaranya dan sebagainya. Oleh itu, definisi perkataan *takāful* secara terminologi adalah proses yang memerlukan dua pihak bertujuan untuk menjaga kemaslahatan satu pihak tertentu tanpa melihat peringkat umur, sama ada antara orang dewasa dengan kanak-kanak, ataupun dewasa sesama dewasa. Contoh jelas yang boleh diamati adalah aktiviti menjaga kemaslahatan anak yatim. Di dalam aktiviti ini, terdapat dua pihak, iaitu pihak yang mendapat faedah daripadanya iaitu anak yatim, dan satu pihak lagi adalah pihak yang memberikan faedah dengan penjagaan kemaslahatan pihak yang mendapat faedah, iaitu penjaga anak yatim.

5. Limitasi Terminologi *Takāful* dan Pengaruhnya Terhadap Pendefinisian *Al-Takāful Al-Ijtimā'ī*

Setelah definisi-definisi perkataan *takāful* secara etimologi dan terminologi dibincangkan dalam konteks bahasa al-Quran dan hadis, dapat diletakkan titik asas dalam mengetahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* secara khas. Maksud perkataan *takāful* adalah proses yang memerlukan dua pihak yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan satu pihak tertentu tanpa melihat peringkat umur, sama ada untuk kanak-kanak mahupun dewasa. Apabila perkataan *ijtimā'ī* dimasukkan, ia bermaksud proses menjaga kemaslahatan secara bermasyarakat. Walau bagaimanapun, untuk memahami konsepnya secara menyeluruh, penelitian sebahagian pendapat ulama yang meletakkan definisi konsep ini perlu diutamakan terlebih dahulu. Dalam proses meneliti pendapat-pendapat ini, terdapat satu persoalan penting yang perlu dijawab, iaitu adakah setiap definisi-definisi tersebut mempunyai hubungan dengan maksud-maksud *takāful* secara terminologi mengikut konteks bahasa al-Quran dan hadis?

Berpandukan definisi-definisi *al-takāful al-ijtimā'ī* yang dirumuskan oleh sebahagian ulama, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan daripadanya tidak menepati terminologi perkataan *takāful* itu sendiri, kecuali definisi yang dikeluarkan oleh sebahagian daripada mereka, antaranya seperti Muhammad Abū Zuhrah (1991) yang menekankan konsep ini sebagai kewajipan setiap individu dalam menjaga kemaslahatan individu dalam masyarakat. Keadaan ini membawa kepada persoalan kedua, adakah definisi-definisi yang tidak menepati maksud terminologi *takāful* itu tidak diterima dan ditolak?

Jika diperhalusi, definisi-definisi yang dikatakan tidak menepati terminologi perkataan *takāful* itu sebenarnya masih mempunyai hubungan dengan terminologi perkataan *takāful* itu

sendiri, yaitu proses penjagaan kemaslahatan. Hal ini kerana, proses ini bersifat umum, luas dan mempunyai jalan-jalan yang pelbagai. Sebagai suatu contoh, Mazlee Malik (2012) mendefinisikan *al-takāful al-ijtimā'ī* sebagai suatu konsep yang lahir daripada kerangka *ta'āwun* (kerjasama), manakala Mahmūd Shaltūt (1981) pula mendefinisikannya sebagai konsep yang lahir melalui kerangka *tadhāmun* (solidariti). Sayyid Qutb (2006) pula mengaitkan *al-takāful al-ijtimā'ī* ini dengan konsep iman dan ihsan manakala sebahagian yang lain pula menterjemahkannya sebagai suatu konsep khusus kepada pemeliharaan keperluan fizikal asasi manusia (Qardhawi, 1995; S.M Yūsuf, 1971; Cahyono Nordin, 1991).

Definisi-definisi *al-takāful al-ijtimā'ī* yang bertitik tolak daripada kepelbagaian konsep ini pada hakikatnya masih lagi menjadi sebahagian daripada objektif dan wasilah pengukuhan proses menjaga kemaslahatan secara umum. Oleh itu, didapati bahawa terminologi perkataan *takāful* iaitu 'penjagaan kemaslahatan' merangkumi definisi-definisi yang diletakkan oleh para ulama. Perkara ini juga disokong oleh Sayyid Qutb (2006), katanya, *al-takāful al-ijtimā'ī* sebenarnya luas, dan ia tidak terhad kepada jaminan sosial dan bantuan berbentuk harta sahaja. Bahkan ia lebih luas daripada itu dan merangkumi konsep-konsep lain seperti iman, sedekah, zakat dan sebagainya. Beliau berdalilkan firman Allah SWT (Al-Baqarah ayat 215):

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang apa yang harus mereka infakkan. Katakanlah: "Harta apa sahaja yang kamu infakkan, hendaknya diperuntukkan bagi kedua orang tua, kerabat, anak yatim, orang miskin dan orang yang dalam perjalanan." Dan kebaikan apa sahaja yang kamu kerjakan, akan sesungguhnya Allah maha Mengetahui.

Sayyid Qutb (1412H) mentafsirkan perkataan *infāq* dengan tafsiran yang lebih luas. Ia tidak berfungsi sebagai bantuan kewangan semata-mata, tetapi meliputi dan merupakan simbol kepada kekuatan dan kukuh hubungan sesama manusia dalam Islam. Kekukuh hubungan manusia ini merangkumi hubungan kekeluargaan yang terzahir melalui *infāq* kepada keluarga, atau hubungan sesama saudara seagama yang terzahir melalui amalan *infāq* kepada kaum kerabat dan bersedekah kepada orang-orang fakir dan miskin. Menurutnya, semua hubungan ini berpunca daripada satu anasir penting, iaitu konsep pendidikan iman individu. Beliau memandang bahawa iman adalah esensi utama yang menjayakan konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* yang

akan membawa kepada kesatuan dan solidariti antara masyarakat (Sayyid Qutb, 2006). Menurutnya lagi, ayat ini juga mengandungi keseluruhan konsep *al-takāful al-ijtimā'ī*, sama ada daripada segi kepentingan bantuan kewangan dan harta, konsep *tadhāmun* (solidariti) sesama manusia, konsep *ta'āwun* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, apabila konsep-konsep seperti *ta'āwun*, *tadhāmun*, iman dan ihsan serta pengukuhan keperluan hidup asasi ini dipisahkan dan dijadikan asas kepada pendefinisian konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* secara berasingan, ia akan mendorong kepada limitasi dalam memahami apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *al-takāful al-ijtimā'ī*. Hal ini kerana pendefinisian yang tertakluk kepada konsep-konsep yang terhad ini tidak memberikan keadilan dan gambaran menyeluruh tentang *al-takāful al-ijtimā'ī*.

Pengaruh bahasa selain Arab juga memberikan kesan kepada pemahaman seseorang terhadap sesuatu perkataan. Bagi masyarakat bukan berbangsa Arab, mereka juga mempunyai apa yang dinamakan sebagai *takāful*, tetapi terhad kepada penamaan dan pemahaman mereka yang tersendiri seperti *mutual responsibility* (*ta'āwun*/kerjasama) dan *solidarity* (*tadhāmun*/solidariti). Sebagai contoh, Mazlee Malik (2012) menggunakan maksud perkataan *takāful* yang dirumuskan oleh Hans Wehr (1976, h.836) sebagai pertolongan atau kewajiban atau tanggungjawab bersama antara dua pihak dengan persetujuan bersama. Idea “persetujuan bersama” ini hampir dengan konsep *ta'āwun*, iaitu bekerjasama, walaupun pada dasarnya ia bukan membawa maksud keseluruhan dasar terminologi perkataan *takāful* itu sendiri, iaitu menjaga kemaslahatan. *Ta'āwun* dalam perkara yang keji tidak dikira sebagai menjaga kemaslahatan, bahkan dibenci oleh Allah SWT (Al-Māidah ayat 2):

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Hal ini juga berlaku pada definisi yang mengatakan *al-takāful al-ijtimā'ī* lahir daripada atau bersamaan dengan konsep *taḍāmun*. Inilah yang dibincangkan oleh Muhammad Alī Majdūb (1412H), yang mengatakan bahawa idea yang menyatakan persamaan maksud antara *takāful* dan *taḍāmun* atau antara *takāful* dan *ta'āwun* merupakan suatu kesilapan. Ini kerana ketiga-tiganya mengandungi maksud yang sangat berbeza. Perbezaan ini kerana dua sebab, pertamanya konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* tidak terhad kepada konsep *taḍāmun* atau

ta'āwun semata-mata, bahkan lebih luas daripada itu. Keduanya, ketiadaan perkataan *takāful* dalam bahasa asing tidak boleh menjadikannya sebagai sebab untuk meminjam perkataan lain yang sinonim daripada segi maksudnya, dan menjadikan perkataan pinjaman itu sebagai maksud sebenar kepada perkataan *takāful* itu sendiri. Inilah yang berlaku pada definisi yang mengaitkan perkataan *takāful* dengan *ta'āwun*. Setiap bahasa berbeza-beza dalam mengekspresikan objektif atau maksud perkataannya. Perkataan *takāful* mempunyai *dilālah* yang umum, iaitu menjaga kemaslahatan. Apabila seseorang menghadkannya kepada konsep yang khusus seperti *ta'āwun* atau *tadhāmun* sahaja dalam memahami *takāful*, maka ia akan mendorong kepada penyembunyian *dilālah* lain perkataan *takāful*, dan mendorong kepada limitasi pemahaman *dilālah* perkataan itu.

Perkara ini juga telah dibincangkan oleh Toshihiko Isutzu (2004). Menurutnya, pemahaman sesuatu perkataan tidak boleh hanya difahami dengan menyamakannya dengan perkataan lain, berdasarkan maksud yang sinonim kerana ia akan mendorong kepada penyembunyian *dilālah* asal sesuatu perkataan itu. Inilah yang berlaku pada sebahagian definisi *al-takāful al-ijtimā'ī*, iaitu sebahagian menghadkannya kepada maksud *ta'āwun* manakala setengah yang lain menghadkannya kepada maksud *tadhāmun* semata-mata. Walau bagaimanapun, dalam bab penterjemahan, ia boleh dilakukan. Menurut Ibn Taymiyyah (t.th.), terdapat dua teknik penterjemahan; Pertamanya penterjemahan secara sempurna (*al-tarjamah al-tām*), iaitu penterjemah mengetahui perkataan yang ingin dan akan diterjemahkan. Keduanya adalah penterjemahan secara mendekati *dilālah* maksud (*al-tarjamah al-iqtirāb*), iaitu penterjemah menterjemahkan perkataan yang ingin diterjemahkan kepada perkataan yang dekat dengannya dari sudut *dilālah* maksud sahaja. Namun dalam pendefinisian, seseorang tidak boleh mendefinisikan sesuatu terhad kepada kerangka penterjemahan ini sahaja, kerana *al-hudūd al-ma'nawiyyah* (limitasi maksud) mesti diatasi seperti mana *al-hudūd al-lafziyyah* (limitasi lafaz) diatasi dalam mendefinisikan sesuatu (Ibn Taymiyyah, t.th.).

Salah faham dalam memahami etimologi perkataan *kafala* yang wujud dalam al-Quran dan hadis yang menghadkan kepada proses menjaga kemaslahatan kanak-kanak sahaja berbanding secara umum juga menyempitkan terminologi perkataan *takāful* tersebut. Hal ini turut menyebabkan berlaku limitasi dalam memahami konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* dan memaksa ulama mendefinisikannya luar daripada terminologinya yang sebenar. Contohnya, terdapat definisi yang menentukan konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* sebagai penjagaan keperluan asasi fizikal manusia sahaja walaupun ia melampaui had itu, iaitu meliputi konsep penjagaan kemaslahatan secara umum, merangkumi aspek fizikal, spiritual dan rohani. Penjagaan keperluan asasi fizikal adalah sebahagian daripada *al-takāful al-ijtimā'ī*, tetapi ia tidak mewakili keseluruhan terminologi perkataan *takāful*. Berbeza

dengan penjagaan masalah secara umum yang merupakan terminologi untuk perkataan ini. Ia mewakili penjagaan keperluan asasi secara fizikal dan spiritual. Maka dapat difahami hadis Nabi SAW kebiasaannya menggambarkan roh *al-takāful al-ijtimā'ī* berkait rapat dengan unsur fizikal dan spiritual, iaitu balasan secara metafizik terhadap perbuatan fizikal di dunia:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَخْبَرَهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Melampaui Batas dan Meminjam (Sesuatu) Tanpa Izin, Bab Seseorang Muslim Tidak Menzalimi dan Mencelakakan Seseorang Muslim Yang Lain, 1422H: no. hadis 2442).

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda: “Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim lainnya, dia tidak menzalimi atau mencelakakannya. Barang siapa yang berusaha mencukupkan keperluan saudaranya, maka Allah akan mencukupkan keperluannya pada hari Kiamat, dan barang siapa yang menutup aib saudaranya, maka Allah akan menutup keaibannya pada hari Kiamat”

Dalam hadis yang lain, Nabi menggambarkan konsep *al-takāful al-ijtimā'ī* dengan memaparkannya dalam bentuk hubungan cinta antara orang beriman dengan iman:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ»

(Riwayat al-Bukhārī, Kitab Iman, Bab Daripada Iman Itu Adalah Mencintai Saudaranya Sepertimana Dia Mencintai Dirinya Sendiri, 1422H: no. hadis 13).

Maksudnya:

Daripada Anas RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Tidak beriman seseorang itu, sehinggalah dia mencintai saudaranya sepertimana dia mencintai dirinya sendiri”

Limitasi definisi *al-takāful al-ijtimā'ī* yang terhad kepada aspek fizikal sahaja oleh sebahagian ulama berlaku kerana terdapat salah faham dalam memahami etimologi dan terminologi perkataan *takāful* itu sendiri. Keadaan ini menyebabkan berlakunya limitasi

dalam memahami terminologi *al-takāful al-ijtimā'ī*, dan menjadikan pendefinisian mereka tidak menyeluruh serta terhad kepada sesetengah konsep yang wujud dalam terminologi *takāful* seperti *ta'āwun*, *tadhāmun*, dan penjagaan keperluan asasi fizikal, sehingga membelakangkan konsep asal yang melambangkan pemahaman menyeluruh *al-takāful al-ijtimā'ī*.

6. Definisi *al-Takāful al-Ijtimā'ī* Menurut Kajian Ini

Setelah diteliti etimologi dan terminologi perkataan *takāful* serta definisi-definisinya di kalangan ulama, dapat diperhalusi bahawa definisi yang paling sesuai mestilah menepati dua perkara; Pertamanya ia mestilah berasaskan maksud perkataan *takāful* secara terminologinya. Kedua ia mestilah merangkumi segala konsep terminologi perkataan *takāful* itu sendiri sebagaimana dibahaskan ulama seperti *ta'āwun*, *tadhāmun*, iman, ihsan, pengukuhan keperluan hidup asasi dan sebagainya. Maka kajian ini mendefinisikan kerangka *al-takāful al-ijtimā'ī* sebagai:

Suatu sistem yang bertitik tolak daripada akidah Islāmiyyah bertujuan untuk mendidik ruh peribadi seseorang individu dengan menanam proses menjaga kemaslahatan asasi dan menjauhkan mafsadah dalam sesebuah masyarakat. Ia terzahir melalui perilaku-perilaku mulia (Islam dan Iman), hubungan-hubungan yang baik (ta'āwun/kerjasama dan tadhāmun/solidariti), dan perbuatan-perbuatan bermanfaat (Ihsan/ sedekah, nafkah) yang akhirnya akan melahirkan masyarakat dan individu yang mempunyai ciri-ciri kebertanggungjawaban sesama mereka.

7. Kesimpulan

Memahami penggunaan sesuatu perkataan dalam al-Quran dan hadis amat penting kerana ia memberikan kesan tertentu dalam pendefinisian sesuatu cabang ilmu Islam. Contohnya, kajian mengenai *al-takāful al-ijtimā'ī* ini telah memberikan maklumat penting bagaimana pemahaman etimologi perkataan *kafala* memberikan kesan kepada pemahaman terminologi *takāful* dan *al-takāful al-ijtimā'ī* itu sendiri. Selain itu, menghadkan pencarian maksud sesuatu konsep dalam kedua-dua sumber utama agama Islam ini akan menyebabkan berlakunya limitasi dalam memahami konsep tersebut. Bahkan akan mengakibatkan proses pendefinisiannya terhad serta tidak menyeluruh. Keadaan seperti ini berlaku pada sebahagian definisi *al-takāful al-ijtimā'ī* yang ditetapkan oleh ulama. Proses pendefinisian *al-takāful al-ijtimā'ī* secara terminologi menjadi menyeluruh dengan kewujudan hadis wanita Ghāmidīyyah yang membuka limitasi maksud etimologi perkataan *kafala* dalam al-Quran yang terhad kepada proses menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Sehubungan itu, kajian menyeluruh tentang konteks bahasa al-Quran dan hadis serta

pengaruhnya terhadap pemahaman sesuatu konsep dalam ilmu-ilmu Islam perlu digiatkan supaya penemuan perkara-perkara baru terutama dalam memahami hubungan, kesan dan pengaruh al-Quran dan hadis terhadap bahasa, maksud dan pemahaman sesuatu konsep dapat disumbangkan.

Rujukan

- Abu Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath al-Azdīy al-Sijistānī. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. (Beirut): Dar Risālah al-'Ilmiyyah.
- Abū Zuhrah, Muhammad. (1991). *Al-Takāful al-ijtimā'ī fī al-Islām*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Al-'Aynīy, Badr al-Dīn Mahmūd bin Ahmad al-Hanafī. (t.th.). *'Umdatun al-Qārī Syarh Sahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ihyā' al-Turath al-'Arabi.
- Al-'Aynīy, Badr al-Dīn Mahmūd bin Ahmad al-Hanafī. (1415H). *'Aun al-Ma'būd fī Syarh Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju'fī. (1422H). *Al-Jāmi' al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlullah SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi*. Beirut: Dar al-Tūq al-Najāh.
- Al-Jurjānī, Abu Bakr 'Abd al-Qāhir bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad. (1987). *Al-Miftāh fī al-Sarf*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Majdūb, Ahmad 'Alī. (1412H). *Al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām wa Atharuhu fī Man'ī al-Jarīmah wa al-Wiqāyah Minha*. Riyadh: Dar al-Nashr.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyi al-Dīn Yahya ibn Sharaf. (1392H). *Al-Minhāj Syarh Sahīh Muslim*. Beirut: Dar al Ihyā' al-Turath.
- Al-Qaradāwī, Yūsuf. (1995). *Daurun al-Qiyam wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmiyy*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr. (2000). *Jami' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Ṭahāwī Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin 'Abdul Mālīk al-Azdīy al-Mishrīy Al-Hanafīy. (1994). *Syarh Ma'āni al-'Āthār*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- Cahyono Nordin. (1990). *Harta dan Jaminan Sosial Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Hans Wehr. (1976). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. New York: Spoken Language Services Inc.
- Ibn Hajar al-Asqalānī, Shihāb al-Dīn Abū al-Fadl Ahmad ibn Ali ibn Muhammad. (1379H). *Fath al-Bāri Syarh Sahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Mājah, Abū 'Abdillah Muḥammad ibn Yazīd al-Rab'ī al-Qazwīnī. (t.th.). *Sunan Ibn Mājah*. Mesir: Dar Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.

- Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Alī ibn Ahmad al-Ansārī al-Ifriqī al-Misrī. (t.th.). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sādir.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbās Ahmad ibn ‘Abd al-Salām ibn ‘Abdullah ibn Muḥammad. (t.th.). *Al-Radd ‘ala al-Mantiqiyyin*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī. (1964). *Al-Mu‘jam Al-Mufahras li- Alfādh al-Qur’ān al-Karīm*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- Muslim, Abū al-Husayn bin al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisābūri. (t.th.). *Al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtasar bi Naqli al-‘Adli ‘an al-‘Adl ilā Rasūlullah SAW*. Beirut: Dar Ihyā’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Qutb, Sayyid. (1412H). *Fi Zilāl al- Qur’ān*. Kaherah: Dar al-Shurūq.
- Qutb, Sayyid. (2006). *Dirāsāt al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dar al-Shurūq.
- Rabi‘ al-Rūbī. (1998). *al-Takāful al-Ijtimā’ī fi al-Qur’ān al-Karīm Tahlīl Iqtisādi Fiḥi*. Kaherah: Markaz Ṣālih Kāmil.
- Shaltūt, Mahmud. (1981). *Manhaj al- Qur’ān fi Bina’ al-Mujtama’*. Kaherah: Dar al-Hilāl.
- S.M Yusuf. (1971). *Economic Justice in Islam*. Islamabad: Da’wah Academy.
- Toshihiko Isutzu. (2004). *Ethico-Religious Concepts in the Qur’ān*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

